115	Haji Azman Bin Ramli	KPK DAERAH Baling BHD	ALK	540725-02-5465
116	Zulkifli Bin Khamis	KPK KUALA MUDA/YAN BHD	Pengerusi	640905-02-5401
117	Mustafa Bin Ahmad	KPK KUALA MUDA/YAN BHD	ALK	500417-02-5213
118	Abdul Roshid Bin Abd. Samad	KPK KUALA MUDA/YAN BHD	ALK	630218-02-5451
119	Normah Binti Ahmad Nawawi	KPK DAERAH BANDAR BHARU BHD	Pengerusi	520917-07-5082
120	Mohd Arshad Bin Othman	KPK DAERAH BANDAR BHARU BHD	ALK	510210-08-5197
121	Hashim Bin Mat	KPK DAERAH KOTA SETAR BHD	Pengerusi	620224-02-5061
122	Musa Bin Latif	KPK DAERAH KOTA SETAR BHD	Bendahari	540909-02-5603
123	Kamaludin Bin Kadir	KPK DAERAH KOTA SETAR BHD	ALK	590903-02-5325
124	Haji Halim Bin Mat Isa	KPK DAERAH KUBANG PASU BHD	Pengerusi	500610-02-5397
125	Zuber Ahmad Khan Bin Rafi	KPK DAERAH KUBANG PASU BHD	ALK	530620-02-5195
126	Hassan Bin Salim	KPK DAERAH KUBANG PASU BHD	ALK	610112-02-5739
127	Mhd Radzi Bin Ahmad	KPK DAERAH KULIM BHD	Bendahari	630505-02-5817
128	Rostam Bin Mohd Sabir	KPK DAERAH KULIM BHD	Sellousaha	801007-02-5551
129	Mohd Zailan Bin Hashim	KPK DAERAH KULIM BHD	ALK	620630-02-5737
130	Mohd Nasri Bin Lateh	KPK DAERAH PENDANG BHD	Pengerusi	670618-02-5633
131	Zabri Bin Nyek Budiman	KPK DAERAH PENDANG BHD	Bendahari	570510-02-6911
132	Samsudin Bin Abu Bakar	KPK DAERAH PENDANG BHD	ALK	610415-02-5591

133	Mohd Faisal Bin Mat Noh	KPK DAERAH SIK BHD	ALK	671215-02-5051
134	Rosli Bin Abdul Rahman	KPK DAERAH SIK BHD	Setiausaha	640710-02-5495
135	Rohani Binti Ludin	KPK DAERAH SIK BHD	Bendahari	580503-02-5802
136	Ibrahim Bin Ahmad	KPK DAERAH PADANG TERAP BHD	ALK	660407-02-6549
137	Che Bahdun Bin Rashid	KPK DAERAH PADANG TERAP BHD	Pengerusi	511105-02-5429
138	Mazli Bin Isa	KPK DAERAH PADANG TERAP BHD	Setiausaha	651220-02-5285
139	Hajah Faridah Binti Adzim	KPK DAERAH SEGAMAT BHD	Setiausaha	571112-04-5318
140	Hajah Seefiah Binti Bohanon	KPK DAERAH MUAR BHD	Setiausaha	520626-01-5642
141	Mohd Johar Bin Tumin	KPK DAERAH MUAR BHD	ALK	661219-01-5601
142	Dr. Hajah Hayati Binti Md Salleh	KPK DAERAH BATU PAHAT BHD	Pengerusi	540612-01-5236
143	Muhamad Shafaad Bin Mohd Salikan	KPK DAERAH BATU PAHAT BHD	ALK	830507-01-6451
144	Mohd Hisyamudin Bin Mohd Ali	KPK DAERAH BATU PAHAT BHD	ALK	870927-01-5451
145	Jamaliah Binti Mohd Yusof	KPK DAERAH PONTIAN BHD	ALK	521205-08-5890
146	Musiroh Binti Mostajab	KPK DAERAH PONTIAN BHD	ALK	550202-01-5400
147	Md. Raihan Bin Omar	KPK DAERAH PONTIAN BHD	Bendahari	710711-01-6217
148	Haji Haludin Bin Achli	KPK DAERAH KLUANG BHD	Setiausaha	601203-01-5071
149	Haji Abd Rozak Bin Sarani	KPK DAERAH KLUANG BHD	Bendahari	610330-01-5327
150	Adnan Bin Kasak	KPK DAERAH KLUANG BHD	ALK	650608-01-6559
151	Anuar Bin Mohamed @ Zaini	KPK DAERAH KOTA TINGGI BHD	ALK	670417-01-5105
152	Sedil Othman Bin Abd Rashid	KPK DAERAH KOTA TINGGI BHD	Bendahari	480818-01-5635
153	Wanan Bin Kasan	KPK DAERAH KOTA TINGGI BHD	ALK	471106-01-5333
154	Nasrudin Bin Ismail	KOPERASI RISDA KELANTAN BERHAD	ALK	640224-03-5401
155	Wan Ismail Bin Wan Hanapi	KOPERASI RISDA KELANTAN BERHAD	ALK	581129-03-5617
156	Wan Komrudin Bin Wan Abdullah	KOPERASI RISDA KELANTAN BERHAD	ALK	650412-03-5133
157	Rosadah Binti Kassim	KOPERASI RISDA UTARA BERHAD	Pengerusi	741216-08-6498
158	Azizuhaily Bin Ramli	KOPERASI RISDA UTARA BERHAD	Setiausaha	8511030-09-5045
159	Mohd Bukhari Bin Mustafa	KOPERASI RISDA UTARA BERHAD	Bendahari	820518-02-5741
160	Zahid Ahmad Bin Zuber Ahmad Khan	KOPERASI ANGGOTA RISDA MALAYSIA BHD	Setiausaha	810226-02-5601
161	Nik Zuhairi Marican Bin Wahid Marican	KOPERASI ANGGOTA RISDA MALAYSIA BHD	Bendahari	881229-03-5539
162	Nur Azura Binti Mohd Bahari	KOPERASI ANGGOTA RISDA MALAYSIA BHD	ALK	820320-05-5320
163	Haji Mohd Damahuri Bin Mohd Jamli	KOPERASI LADANG PEKEBUN-PEKEBUN KECIL MAL	Pengerusi	530602-08-6111
164	Haji Ahmad Bin Abd Masjid	KOPERASI LADANG PEKEBUN-PEKEBUN KECIL MAL	Bendahari	630523-04-5475
165	Haji Ramlie Bin Tumin	WAKIL RISDA		771116-01-5489

**MESYUARAT MENENTUSAHKAN
MINIT MESYUARAT AGUNG NARSCO KALI KE 41
9 JULAI 2025
2.30 PETANG
BILIK MESYUARAT NARSCO**


<u>Nama:-</u>	<u>Tandatangan</u>	<u>Kehadiran</u>
1. YBhg. Dato' Nasarudin Bin Malek (Pengerusi) KPK Negeri Sembilan Berhad		
2. Dr. Hjh. Hayati Bte Md Salleh (Setiausaha) KPK Daerah Batu Pahat Berhad		
3. Hj. Hairudin Bin Yeop Ahamad (Bendahari) KPK Daerah Hulu Terengganu Berhad		
4. En.Zahid Ahmad Bin Zuber Ahmad Khan Koperasi Kakitangan RISDA Berhad		
5. En Mustfa Kamal bin Sulaiman KPK Daerah Lipis Berhad		
6. Tn Hj Abd Ghafar Bin Abdul Majid KPK Daerah Bentong Berhad		
7. Tn Hj Zon Bin Huri KPK Daerah Parit Berhad		
8. Tn. Syed Mohd Damiri bin Syed Mohd Nor KPK Daerah Batang Padang (Selatan) Berhad		
9. En. Mohd Iskandar bin Muhammad Aziz KPK Daerah Marang Bhd		
10. Pn. Hjh. Normah Bte Ahmad Nawawi KPK Daerah Bandar Baharu Bhd		

Disahkan oleh :


Dato' Nasarudin Bin Malek
Pengerusi


Hj. Hairudin Bin Yeop Ahamad
Bendahari





Agenda 2

Melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang perwakilan dan empat (4) orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-42


JAWATANKUASA MENENTUSAH
DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
KALI KE-42

ANGGOTA LEMBAGA (4 ORANG)

BIL.	NAMA
1.	
2.	
3.	
4.	

PERWAKILAN (6 ORANG)

BIL.	NAMA
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	
6.	



Agenda 3

*Menimbang laporan Lembaga tahun 2025
dan
laporan Jawatankuasa Audit Dalaman*

Laporan Lembaga

Para perwakilan yang dihormati

1.0 PENDAHULUAN

Lembaga NARSCO dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Akaun Beraudit Kumpulan NARSCO bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2025 untuk makluman anggota-anggota.

2.0 KEANGGOTAAN

NARSCO merupakan sebuah koperasi peringkat menengah yang dianggotai oleh 64 buah koperasi berdaftar, terdiri daripada 60 buah Koperasi Pekebun Kecil di peringkat negeri, daerah dan jajahan serta 4 buah koperasi lain yang merangkumi Koperasi Kakitangan RISDA dan Koperasi Ladang.

No	Negeri	Bil KPK	Bil. Ahli KPK	Nilai Saham Ahli (RM)
1.	Perlis	1	1,635	24,266
2.	Kedah	10	20,470	188,004
3.	Pulau Pinang	1	1,787	26,273
4.	Perak	14	26,602	279,673
5.	Selangor	4	5,533	356,381
6.	Negeri Sembilan	1	11,801	27,532
7.	Melaka	1	8,148	16,409
8.	Johor	8	22,536	159,769
9.	Pahang	8	26,805	134,783
10	Terengganu	6	26,509	191,642
11	Kelantan	6	39,868	113,909
12	Lain-lain	4	11,989	484,556
	Jumlah Besar	64	203,683	1,603,197

3.0 ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Lembaga NARSCO terdiri dari empat belas orang perwakilan mengikut negeri yang dipilih daripada mesyuarat agung perwakilan (MAP) dan seorang pegawai RISDA yang dinamakan oleh RISDA dengan persetujuan MAP.

3.1 Mesyuarat Lembaga

Anggota Lembaga NARSCO telah merangka beberapa pendekatan, garis panduan dan strategi bagi menangani isu semasa serta meningkatkan perolehan dan prestasi NARSCO melalui beberapa siri mesyuarat seperti berikut:

Bil	Mesyuarat	Tarikh	Bil. Kehadiran
1.	Mesyuarat Lembaga Bil.01/25/26	19 Jun 2025	15/15
2	Mesyuarat Lembaga Bil.02/25/26	6 Ogos 2025	15/15
3	Mesyuarat J/Kuasa Utama Bil 01/25/26	18 Nov 2025	3/3
4	Mesyuarat J/Kuasa Sumber Manusia &Keanggotaan Bil 01/25/26	18 Nov 2025	3/3
5	Mesyuarat Lembaga Bil.03/25/26	31 Dis. 2026	15/15
6	Mesyuarat J/Kuasa Utama Bil 02/25/26	12 Mei 2026	3/3
7.	Mesyuarat Lembaga Bil 04/25/26	6 Julai 2026	15/15

3.2 Lembaga Tamat Tempoh Giliran

Lembaga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada lima (5) orang anggota Lembaga yang tamat tempoh penggiliran bagi sesi ini di atas segala sumbangan, komitmen dan khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

Bil.	Negeri	Nama	Koperasi
i.	Pahang	Dato' Syed Ali bin Syed Mohamad	KPKD Raub Berhad
ii.	Johor	Hjh. Soofiah binti Hj. Bahanan	KPKD Muar Berhad
iii.	Johor/ bebas	Dr.Hjh.Hayati Binti Md Salleh	KPD Batu Pahat Berhad
iv.	Negeri Sembilan	Hj. Madzaki bin Ab Ghani	KPK Negeri Sembilan Berhad
v.	Wilayah Persekutuan	En. Zahid Ahmad bin Zuber Ahmad Khan	Koperasi Anggota RISDA M'sia Berhad (KARISMA)

4.0 LAPORAN PENYATA KEWANGAN BERAUDIT KUMPULAN NARSCO BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025.

Pada tahun berakhir 31 Disember 2025, Kumpulan NARSCO merekodkan kerugian sebelum cukai sebanyak (RM446,452) berbanding keuntungan RM1,276,475 pada tahun sebelumnya.

Penurunan prestasi kewangan ini disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya pengurangan projek-projek utama yang diperoleh daripada RISDA dan juga kekangan modal menyebabkan pelaksanaan sebahagian projek tender terpaksa melalui pihak ketiga, sekali gus mengurangkan margin keuntungan.

Di samping memperkukuhkan lagi aktiviti perniagaan dalam 3 teras utama iaitu Input Pertanian, Teknologi Maklumat dan Pelancongan, NARSCO mengambil langkah lebih proaktif untuk memperluaskan penglibatan dalam sektor perladangan melalui pelaksanaan kerja-kerja kontrak perladangan serta meneroka peluang pajakan tanah bagi tujuan pengurusan dan pembangunan ladang kelapa sawit serta kelapa. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha NARSCO untuk meningkatkan sumber pendapatan, mengurangkan kebergantungan kepada RISDA dan memperkukuhkan kedudukan kewangan Kumpulan.

Sebagai langkah penstrukturan semula aktiviti perniagaan, NARSCO telah mengadakan beberapa lawatan ke kawasan yang berpotensi bagi menilai kesesuaian pelaksanaan projek baharu. Pada masa yang sama, aktiviti tanaman buah nanas dan pengeluaran benih nanas telah dihentikan berikutan hasil pengeluaran yang kurang memuaskan serta kualiti produk yang tidak mencapai tahap yang ditetapkan bagi memberi tumpuan kepada aktiviti yang lebih berdaya maju.

Bagi meningkatkan lagi pengurusan aliran tunai, Lembaga telah memberi tumpuan kepada usaha mempercepatkan kutipan hutang tertunggak melalui pemantauan yang lebih berkesan dan tindakan susulan yang konsisten.

Berikut adalah pecahan kepada Penyata Kewangan NARSCO bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.

PERKARA	2025 (RM)	2024 (RM)
<i>Jualan</i>	<i>13,487,052</i>	<i>28,844,447</i>
<i>Kos Jualan & Perbelanjaan Operasi</i>	<i>10,463,952</i>	<i>23,510,271</i>
<i>Keuntungan Kasar</i>	<i>3,023,100</i>	<i>5,334,176</i>
<i>Kos Pentadbiran</i>	<i>3,438,961</i>	<i>4,422,014</i>
<i>(Kerugian) / Keuntungan koperasi Sebelum Cukai</i>	<i>(446,452)</i>	<i>1,191,568</i>
<i>(Kerugian) / Keuntungan Syarikat Subsidiari Sebelum Cukai</i>	<i>4,351</i>	<i>84,907</i>
<i>Kerugian/ Keuntungan Kumpulan Sebelum Cukai</i>	<i>(442,101)</i>	<i>1,276,475</i>

5.0 AKTIVITI PERNIAGAAN

NARSCO terus melaksanakan pelbagai aktiviti perniagaan yang merangkumi pembekalan input pertanian, sektor perladangan, perkhidmatan Teknologi Maklumat (IT) dan pelancongan. Walaupun aktiviti pembekalan input pertanian kepada RISDA masih diteruskan, jumlah pembekalan dan skala pelaksanaannya adalah lebih kecil berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Di antara aktiviti-aktiviti perniagaan NARSCO tahun 2025 adalah :

a) Aktiviti Bekalan Input Pertanian & Perladangan

NARSCO sentiasa memberi sokongan kepada RISDA dan anak-anak syarikatnya dengan meneruskan aktiviti pembekalan input pertanian seperti racun dan peralatan ladang mengikut keperluan semasa. Bagi pasaran luar pula, NARSCO telah berjaya memperluaskan pasaran dengan membekalkan input pertanian kepada agensi seperti Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan Jabatan Pertanian Malaysia.

i. Pembekalan baja ke Lembaga Koko Malaysia



ii. Penyelenggaraan ladang kelapa SABY di Chemaran, Desaru, Johor



iii. Penyelenggaraan ladang kelapa sawit Mawai SABY di Mawai, Johor



vi. Lawatan ke Ladang Lembu, Pagoh

**KOPERASI PEKEBUN KECIL
GETAH NASIONAL BERHAD**
Tika 1-12, Blok C, Pusat Perdagangan Taman Dagang,
Jalan Dagang Besar, Taman Dagang,
84000 Ayerong, Selangor.

**JUALAN
LEMBU
KORBAN**

**Harga Promosi
RM 4500
/ ekor**

Anggaran Berat
Lembu
250kg - 260kg

- Sihat & Berkualiti
- Dijaga dengan teliti
- Sesuai untuk ibadah korban

**TARIKH PROMOSI
01/8/2026 - 31/12/2026**

Hubungi No :
014-231 2732

**LEMBU
TERBAIK
UNTUK KORBAN**

Berkualiti • Dipercayai • Pilihan Utama Untuk Korban



vii. Lawatan ke Pusat Tanaman Fertigasi , di Johor



b) Aktiviti Teknologi Maklumat

Sebagai salah satu pusat keuntungan (*profit centre*) Kumpulan NARSCO, NARSCO IT terus memperkukuh aktivitiinya melalui pembekalan peralatan dan perisian komputer, penyelenggaraan sistem ICT serta pembangunan sistem aplikasi dengan pasaran utamanya Bank Kerjasama Rakyat Malaysia, RISDA dan beberapa syarikat luar.

i. Mengadakan beberapa sesi kursus Sistem Pengurusan & Perakaunan Koperasi bersama RISDA kepada kakitangan koperasi-koperasi anggota pada bulan Mei - Julai 2026.



ii. Menjalankan kerja-kerja "preventive maintenance" kepada 172 pusat tanggungjawab dan 182 stesen RISDA melibatkan anggaran 4,571 unit komputer pada 27 april 2026 - 30 Julai 2026.



5.4 PELANCONGAN

Aktiviti pelancongan dilaksanakan melalui anak syarikatnya, NARSCO Travel & Tours Sdn. Bhd. (NTTSB). NTTSB menyediakan pakej-pakej pelancongan, Umrah dan Ziarah, serta jualan tiket penerbangan. NTTSB sentiasa berusaha memperkukuhkan penawaran perkhidmatan melalui penyediaan pakej perjalanan yang memenuhi keperluan pelanggan serta meneroka peluang perniagaan baharu dalam industri pelancongan yang kompetitif.

i. Menerima anugerah '*Best Agent Performance 2025*' dari MITRA



ii. Pakej group *White Water Rafting* pada 7 Jun 2026 di Kuala Kubu Bharu, Selangor



lii. Pelepasan jemaah umrah Narsco Travel pada Februari 2026



iv. Menyertai pameran-pameran pelancongan seperti di Hari Terbuka Putrajaya pada Januari 2026 dengan pelbagai pakej tempatan dan luar negara.



6.0 PERANCANGAN SUMBER MANUSIA

NARSCO terus memberi perhatian terhadap pembangunan sumber manusia bagi meningkatkan kompetensi dan keupayaan warga kerja. Sehingga tahun 2026, NARSCO mempunyai seramai 49 orang kakitangan yang ditempatkan di ibu pejabat dan enam (6) cawangan.

Pelbagai program latihan dan pembangunan telah disertai oleh kakitangan, antaranya Menakluk Pasaran dengan AI, Analisis Data untuk Keputusan dan Program Memacu Ekonomi dan Gandingan Aset Koperasi (MEGA) anjuran IKMa yang dilaksanakan secara berfasa bagi membantu pembangunan pelan strategik, perancangan aktiviti perniagaan serta pemantauan prestasi melalui penetapan KPI. NARSCO juga mengambil bahagian dalam program libat urus bersama koperasi-koperasi besar anjuran IKMa sebagai platform perkongsian pengalaman dan amalan terbaik pengurusan koperasi.



7.0 RUMUSAN

Sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Mei 2026, NARSCO terus berhadapan dengan pelbagai cabaran berikutan perubahan persekitaran perniagaan serta tekanan terhadap operasi dan kedudukan kewangan organisasi. Walau bagaimanapun, Lembaga yakin dengan usaha penambahbaikan yang sedang dilaksanakan melalui strategi mempelbagaikan aktiviti perniagaan, meneroka peluang baharu serta mengoptimumkan sumber sedia ada, NARSCO mampu memperkukuhkan semula kedudukannya dan bergerak ke arah pertumbuhan yang lebih mampan.

Kelangsungan dan pertumbuhan NARSCO memerlukan kerjasama erat semua pihak, khususnya KPK anggota sebagai pemegang kepentingan utama koperasi serta hubungan strategik bersama RISDA dalam memperluaskan peluang kerjasama dan projek yang memberi manfaat kepada NARSCO, anggota koperasi dan komuniti pekebun kecil.

Dengan komitmen dan sokongan berterusan daripada semua pihak, NARSCO yakin boleh menghadapi cabaran semasa serta terus berkembang sebagai sebuah koperasi yang lebih kukuh, berdaya tahan dan berdaya saing.

Lembaga NARSCO merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada KPK anggota, pelanggan, pembekal, rakan strategik serta seluruh warga kerja NARSCO atas kepercayaan, sokongan dan komitmen yang diberikan.

Insya-Allah.

Sekian terima kasih.

Bagi pihak Lembaga NARSCO



YBhg. DATO' NASARUDIN BIN MALEK

PENGERUSI

Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad (NARSCO)

*Laporan
Jawatankuasa Audit
Dalam*

LAPORAN PENGAUDITAN
NARSCO
DI
CAWANGAN TEMERLOH DAN CAWANGAN DUNGUN
BAGI SESI 2025/2026

KEPADA:

Anggota Koperasi Pekebun Getah Nasional Berhad (NARSCO),
No. 1-2, Tingkat 5, Block C, Pusat Perdagangan Taman Dagang,
Jalan Dagang Besar, Ampang.

PENGENALAN

Laporan auditan ini disediakan adalah mengikut keperluan Undang-undang Kecil 71(f) NARSCO dan dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan. Anggota Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) terdiri daripada:

- Encik Nik Zuhairi Marican bin Wahid Marican
- Tuan Hj. Mohd Iskandar bin Muhammad Aziz
- Tuan Syed Mohd Damiri bin Syed Mohd Nor

Auditan sesi 2025/2026 memfokuskan cabang perniagaan racun tanaman, kimia dan peralatan pertanian yang merupakan salah satu daripada cabang perniagaan utama NARSCO. Pihak JAD telah turun ke lapangan untuk membuat auditan pada 4hb dan 5hb Februari 2026 di dua buah cawangan berikut:

- **NARSCO Cawangan Temerloh, Pahang** – diaudit pada 4 Februari 2026 (Rabu).
- **NARSCO Cawangan Dungun, Terengganu** – diaudit pada 5 Februari 2026 (Khamis).

Pengauditan ini meliputi semakan terhadap tahap kecekapan dalam menjana keuntungan yang sepatutnya bagi cawangan tersebut dengan membuat semakan ke atas dokumen kewangan, penyata untung rugi dan rekod-rekod akaun di pejabat berkenaan serta lawatan fizikal di setor.

OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ke atas NARSCO Cawangan Temerloh, Pahang dan NARSCO Cawangan Dungun, Terengganu dilaksanakan bagi memastikan segala urusan kewangan dan akaun yang dilaksanakan adalah mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan serta mampu menjana keuntungan kepada NARSCO. Selain itu, pengauditan juga bertujuan untuk memastikan pelaksanaannya adalah teratur dan mematuhi perkara-perkara berikut:

- Memastikan segala kawalan dalaman yang perlu telah diwujudkan bagi mengelak kehilangan aset NARSCO disebabkan penipuan, ketirisan, ketidakcekapan, kecuaiian atau pembaziran.
- Memastikan segala hasil dan pendapatan lain yang patut diterima oleh NARSCO telah diuruskan dan diakaunkan dengan teratur dan berkesan.
- Memastikan bahawa hanya urusan kewangan yang dibenarkan dengan sepatutnya diterima dalam akaun NARSCO.
- Memastikan bahawa akaun dan rekod lain disimpan dan sentiasa dikemaskini mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diterima umum dan memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan.
- Memastikan bahawa segala urusaniaga yang ditunjukkan di dalam rekod dan penyata akaun dapat disokong dengan dokumen yang boleh diaudit.

SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ke atas NARSCO Cawangan Temerloh, Pahang dan NARSCO Cawangan Dungun, Terengganu dilaksanakan melalui kaedah-kaedah berikut:

- Semakan terhadap Penyata Untung Rugi bagi setiap cawangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.
- Semakan fizikal aset dan inventori di setiap cawangan dan setor bagi memastikan rekod di pejabat selaras dengan fizikal di setor.
- Semakan dokumen, rekod, buku daftar dan laporan yang berkaitan dengan urusan kewangan dan akaun yang diuruskan di setiap premis.
- Temubual dan perbincangan dengan pegawai dan kakitangan di setiap cawangan.

RUJUKAN DAN PERATURAN YANG BERKUATKUASA

Pengauditan ke atas NARSCO Cawangan Temerloh, Pahang dan NARSCO Cawangan Dungun, Terengganu dilaksanakan dengan merujuk kepada penyata untung rugi setiap cawangan setakat 31 Disember 2025.

RINGKASAN EKSEKUTIF

NARSCO Cawangan Temerloh, Pahang dan NARSCO Cawangan Dungun, Terengganu sebagai penyedia utama racun pertanian, baja, kimia dan peralatan pertanian, telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dalam operasi perniagaannya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

Cawangan Dungun mencatatkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM2,251,093.18 dengan keuntungan bersih RM131,130.31, manakala Cawangan Temerloh pula mencatatkan pendapatan keseluruhan RM1,609,826.00 dengan keuntungan bersih RM45,224.76. Secara gabungan, kedua-dua cawangan menyumbang pendapatan sebanyak RM3,860,919.18 dan keuntungan bersih sebanyak RM176,355.07.

Hasil semakan dan temubual yang dijalankan mendapati permintaan pasaran (demand) terhadap perkhidmatan dan pembekalan sumber adalah tinggi dan menunjukkan potensi pertumbuhan yang memberangsangkan. Walau bagaimanapun, keupayaan penawaran (supply) semasa didapati masih rendah dan belum mampu menyokong sepenuhnya keperluan permintaan tersebut. Faktor ini didorong oleh reputasi dan kepercayaan yang dibina melalui jalinan dan networking tempatan.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa isu yang memerlukan perhatian pengurusan, terutamanya berkaitan kebergantungan tinggi terhadap Projek AET di Cawangan Temerloh, keperluan peningkatan kapasiti operasi bagi menyokong permintaan pasaran, serta keperluan pengurusan kos operasi yang lebih cekap di kedua-dua cawangan.

LAPORAN ANALISIS KEWANGAN TAHUNAN NARSCO CAWANGAN TEMERLOH, PAHANG BAGI TAHUN 2025

Analisis Pendapatan

Cawangan Temerloh mencatatkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM1,609,826.00 bagi tahun berakhir 31 Disember 2025. Pecahan pendapatan adalah seperti berikut:

Perkara	RM	% Pendapatan
Jualan Baja	145,343.00	9.03%
Jualan Kimia	32,661.00	2.03%
Jualan Alatan Ladang	1,422.00	0.09%
Pendapatan Projek AET	1,430,400.00	88.85%
JUMLAH PENDAPATAN	1,609,826.00	100.00%

Pemerhatian: Pendapatan Cawangan Temerloh amat bergantung kepada Projek AET yang menyumbang 88.85% daripada keseluruhan pendapatan. Jualan produk teras iaitu baja, kimia dan alatan ladang hanya menyumbang 11.15% sahaja.

Analisis Kos Barang Dijual (COGS)

Kos barang dijual bagi Cawangan Temerloh berjumlah RM1,387,159.88 iaitu 86.17% daripada jumlah pendapatan. Keuntungan kasar yang dicatatkan adalah sebanyak RM222,666.12 dengan margin keuntungan kasar 13.83%.

Perkara	RM	% Pendapatan
Stok Awal Baja	630.00	
Stok Awal Kimia	24,360.40	
Stok Awal Ethephon	445.20	
Stok Awal Alatan Ladang	20,072.59	
Belian Baja	96,755.00	
Belian Kimia	46,227.00	
Belian Alatan Ladang	3,300.00	
Kos Projek AET	554,656.00	
Pelbagai Belian (Projek RISDA)	672,602.00	
Tolak: Stok Akhir	-31,888.31	
KOS BARANG DIJUAL (COGS)	1,387,159.88	86.17%
KEUNTUNGAN KASAR	222,666.12	13.83%

Analisis Perbelanjaan Operasi

Jumlah perbelanjaan operasi bagi Cawangan Temerloh adalah sebanyak RM177,441.36 iaitu 11.02% daripada jumlah pendapatan. Pecahan perbelanjaan utama adalah seperti berikut:

Perbelanjaan	RM	% Pendapatan
Gaji dan Elaun	108,242.00	6.72%
KWSP	14,116.00	0.88%
KSP / EIS	2,168.41	0.13%
Subsidi Pinjaman Perumahan	2,120.11	0.13%
Tugas Luar Pejabat	934.70	0.06%
Kos Perubatan	1,647.00	0.10%
Sewa Pejabat	11,000.00	0.68%
Utiliti (Elektrik/Telefon/Pos)	4,314.70	0.27%
Peralatan/Alatulis/Salinan	2,068.65	0.13%
Upah Angkut/Kerja	6,537.10	0.41%
Penyelenggaraan Bangunan	2,000.00	0.12%
Kenderaan (Petrol/Servis/Insuran)	21,572.69	1.34%
Lain-lain (Cenderamata/Lesen/Borang)	720.00	0.04%
JUMLAH PERBELANJAAN OPERASI	177,441.36	11.02%

Pemerhatian: Gaji dan elaun merupakan komponen perbelanjaan terbesar iaitu RM108,242.00 (6.72% daripada pendapatan). Kos kenderaan (dua buah kenderaan) juga agak tinggi pada RM21,572.69 (1.34%).

Analisis Nisbah Kewangan

Nisbah Kewangan	Nilai
Margin Keuntungan Kasar	13.83%
Margin Keuntungan Bersih	2.81%
Nisbah Beban Operasi	11.02%
Nisbah Kos Barang Dijual	86.17%
Kebergantungan Projek AET	88.85%

Keuntungan bersih Cawangan Temerloh bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM45,224.76 dengan margin keuntungan bersih 2.81%. Walaupun cawangan ini mencatatkan keuntungan, margin yang rendah ini menunjukkan keperluan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan mempelbagaikan sumber pendapatan.

Pertimbangan Strategik - Cawangan Temerloh

- **Kebergantungan Projek AET:** Cawangan Temerloh sangat bergantung kepada Projek AET (88.85%). Sekiranya projek ini tamat atau berkurang, keuntungan cawangan akan terjejas teruk. Pengurusan perlu mempelbagaikan sumber pendapatan.
- **Jualan Produk Teras Rendah:** Jualan baja, kimia dan alatan ladang perlu dipertingkatkan melalui strategi pemasaran yang lebih agresif dan perluasan rangkaian pelanggan.
- **Pengurusan Kos Gaji:** Kos gaji menyumbang 6.72% daripada pendapatan. Produktiviti pekerja perlu dinilai bagi memastikan kos gaji setimpal dengan hasil yang dijana.
- **Kos Kenderaan:** Kos penyelenggaraan dua kenderaan perlu dipantau dan dioptimumkan.

LAPORAN ANALISIS KEWANGAN TAHUNAN NARSCO CAWANGAN DUNGUN, TERENGGANU BAGI TAHUN 2025

Analisis Pendapatan

Cawangan Dungun mencatatkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM2,251,093.18 bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 dengan kepelbagaian sumber pendapatan yang lebih baik berbanding Cawangan Temerloh. Pecahan pendapatan adalah seperti berikut:

Perkara	RM	% Pendapatan
Jualan Baja	23,623.80	1.05%
Jualan Kimia	984,045.00	43.71%
Jualan Alatan Ladang	225,646.80	10.02%
Jualan Kimia Industri	22,372.00	0.99%
Pendapatan Projek AET	20,000.00	0.89%
Pendapatan Penyelenggaraan Kebun	38,676.00	1.72%
Pelbagai Jualan (Projek RISDA)	158,858.01	7.06%
Pendapatan KTRK MBKS (ESPEK)	730,027.17	32.43%
Pendapatan Memangkas (ESPEK)	11,395.60	0.51%
Pendapatan Lain U.Ldg (ESPEK)	36,424.00	1.62%
Pendapatan Pembangunan Ladang	24.80	0.00%
JUMLAH PENDAPATAN	2,251,093.18	100.00%

Pemerhatian: Cawangan Dungun menunjukkan kepelbagaian sumber pendapatan yang baik dengan 11 kategori pendapatan. Dua penyumbang utama ialah Jualan Kimia (43.71%) dan Pendapatan KTRK MBKS/ESPEK (32.43%). Jualan Alatan Ladang juga menyumbang signifikan pada 10.02%.

Analisis Kos Barang Dijual (COGS)

Kos barang dijual bagi Cawangan Dungun berjumlah RM1,950,435.64 iaitu 86.64% daripada jumlah pendapatan. Keuntungan kasar yang dicatatkan adalah sebanyak RM300,657.54 dengan margin keuntungan kasar 13.36%.

Perkara	RM	% Pendapatan
Stok Awal (Baja/Kimia/Ethephon/Alatan/Kimia Industri)	204,777.23	
Belian Baja	52,215.00	
Belian Kimia	757,734.20	
Belian Alatan Ladang	143,915.60	
Belian Kimia Industri	19,375.00	
Pel. Kos Jualan (Projek RISDA)	298,689.00	
Kos MBKS (ESPEK)	619,232.16	
Kos Insuran TKI	100.00	
Kos Memangkas (ESPEK)	8,900.48	
Kos Pembangunan Ladang	640.00	
Tolak: Stok Akhir	-155,143.03	
KOS BARANG DIJUAL (COGS)	1,950,435.64	86.64%
KEUNTUNGAN KASAR	300,657.54	13.36%

Analisis Perbelanjaan Operasi

Jumlah perbelanjaan operasi bagi Cawangan Dungun adalah sebanyak RM169,527.23 iaitu 7.53% daripada jumlah pendapatan. Nisbah ini lebih rendah berbanding Cawangan Temerloh (11.02%), menunjukkan pengurusan kos yang lebih cekap. Pecahan perbelanjaan utama adalah seperti berikut:

Perbelanjaan	RM	% Pendapatan
Gaji dan Elaun	84,216.60	3.74%
KWSP	11,102.05	0.49%
KSP / EIS	1,445.10	0.06%
Upah Kerja	18,142.73	0.81%
Subsidi Pinjaman	1,473.46	0.07%
Kos Perubatan	400.00	0.02%
Keraian Pelanggan	5,241.00	0.23%
Utiliti (Air/Elektrik/Telefon/Pos)	3,741.50	0.17%
Peralatan/Percetakan/Alatulis	913.65	0.04%
Borang Tender	734.00	0.03%
Penyelenggaraan Bangunan	357.00	0.02%

Kenderaan VAV 6324 (Petrol/Servis/Insuran)	18,156.92	0.81%
Kenderaan VQ 7401 (Petrol/Servis/Insuran)	19,946.22	0.89%
Cukai Pintu	1,089.00	0.05%
Lain-lain (Cenderamata/Lesen)	2,568.00	0.11%
JUMLAH PERBELANJAAN OPERASI	169,527.23	7.53%

Pemerhatian: Kos kenderaan bagi dua buah kenderaan (VAV 6324 dan VQ 7401) berjumlah RM38,103.14 iaitu agak tinggi. Kos servis/pembaikan VQ 7401 sahaja berjumlah RM16,108.48 yang menunjukkan kenderaan tersebut mungkin memerlukan penggantian.

Analisis Nisbah Kewangan

Nisbah Kewangan	Nilai
Margin Keuntungan Kasar	13.36%
Margin Keuntungan Bersih	5.83%
Nisbah Beban Operasi	7.53%
Nisbah Kos Barang Dijual	86.64%
Kepelbagaian Sumber Pendapatan	11 kategori

Keuntungan bersih Cawangan Dungun bagi tahun 2025 adalah sebanyak RM131,130.31 dengan margin keuntungan bersih 5.83%. Prestasi ini lebih baik berbanding Cawangan Temerloh dari segi margin bersih, menunjukkan pengurusan kos dan kepelbagaian pendapatan yang lebih berkesan.

Pertimbangan Strategik - Cawangan Dungun

- **Kos Kenderaan Tinggi:** Kos penyelenggaraan kenderaan VQ 7401 (RM19,946.22) perlu diteliti. Jika kenderaan sudah uzur, penggantian mungkin lebih kos efektif dalam jangka panjang.
- **Pengukuhan Jualan Baja:** Jualan baja hanya menyumbang 1.05% daripada pendapatan. Terdapat potensi untuk meningkatkan jualan baja kepada pelanggan sedia ada.
- **Keraian Pelanggan:** Kos keraian pelanggan berjumlah RM5,241. Keberkesanan perbelanjaan ini perlu dinilai terhadap impak kepada jualan.
- **Peluang ESPEK:** Pendapatan ESPEK (MBKS, Memangkas, Lain U.Ldg) menyumbang 34.56% daripada pendapatan. Ini merupakan kekuatan unik cawangan ini yang perlu dikekalkan dan dipertingkatkan.

PEMERHATIAN UMUM AUDIT

Hasil semakan dan temubual yang dijalankan semasa lawatan auditan ke Cawangan Temerloh dan Cawangan Dungun, pihak JAD mendapati perkara-perkara berikut:

Permintaan Pasaran (Demand) vs Keupayaan Penawaran (Supply)

Permintaan pasaran terhadap perkhidmatan dan pembekalan sumber daripada kedua-dua cawangan adalah tinggi dan menunjukkan potensi pertumbuhan yang memberangsangkan. Walau bagaimanapun, keupayaan penawaran (supply) semasa didapati masih rendah dan belum mampu menyokong sepenuhnya keperluan permintaan tersebut. Faktor permintaan yang tinggi ini didorong oleh reputasi dan kepercayaan yang telah dibina melalui jalinan dan networking tempatan yang kukuh.

Keperluan Fokus Strategik Ibu Pejabat

Sehubungan itu, pihak audit berpandangan bahawa Ibu Pejabat NARSCO perlu memberi fokus strategik terhadap usaha meningkatkan kapasiti dan keupayaan operasi cawangan-cawangan yang berpotensi menjana pendapatan serta keuntungan. Tindakan penambahbaikan yang lebih berstruktur perlu dilaksanakan bagi mengoptimumkan penggunaan sumber manusia, aset, dan infrastruktur sedia ada.

Cadangan Pemantauan Secara Langsung

Pengurusan tertinggi disarankan untuk melaksanakan pendekatan pemantauan secara langsung melalui aktiviti turun padang bersama pengurus cawangan, terutamanya di lokasi berpotensi seperti Dungun, Terengganu dan Ayer Tawar, Perak. Langkah ini penting bagi mengenal pasti isu operasi sebenar, merancang intervensi yang bersesuaian, serta memastikan pelaksanaan strategi peningkatan prestasi dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

ISU DAN CADANGAN

- **Kepelbagaian Sumber Pendapatan:** Cawangan Temerloh perlu mengurangkan kebergantungan terhadap Projek AET dan meningkatkan jualan produk teras. Strategi pemasaran yang aktif perlu dirangka untuk menarik lebih ramai pelanggan bagi produk kimia, baja dan alatan ladang.
- **Peningkatan Kapasiti Operasi:** Memandangkan permintaan pasaran yang tinggi, Ibu Pejabat NARSCO perlu menyalurkan sumber tambahan kepada cawangan-cawangan berpotensi bagi meningkatkan kapasiti penawaran. Pengoptimuman penggunaan sumber manusia, aset dan infrastruktur sedia ada perlu diberi keutamaan.

- **Pemantauan Turun Padang:** Pengurusan tertinggi disarankan untuk melaksanakan pendekatan pemantauan secara langsung melalui aktiviti turun padang bersama pengurus cawangan di lokasi berpotensi. Langkah ini penting bagi mengenal pasti isu operasi sebenar dan merancang intervensi yang bersesuaian.
- **Keselamatan Premis dan Setor:** Ruang pejabat dan setor perlu memenuhi standard keselamatan dan keselesaan. Pengudaraan yang baik terutamanya bagi penyimpanan bahan kimia perlu dipastikan untuk keselamatan pekerja dan pelanggan.
- **Pengurusan Inventori:** Penyelarasan inventori dengan permintaan perlu dilakukan agar ruang premis dapat digunakan dengan optimum tanpa meningkatkan kos penyimpanan. Pemantauan tarikh luput inventori perlu diperketatkan.
- **Strategi Pemasaran:** Peningkatan fokus pada sasaran pasaran yang luas dan pelbagai. Pengurusan perlu merangka strategi yang berbeza untuk setiap kategori sasaran pasaran seperti jualan pukal, runcit serta tender.
- **Pengawasan Beban Operasi:** Analisis berkala terhadap beban operasi untuk mengenal pasti belanja-belanja yang tidak perlu atau bertindih. Kos kenderaan khususnya perlu dipantau dengan teliti.
- **Penyelenggaraan Kenderaan:** Kos penyelenggaraan kenderaan VQ 7401 di Cawangan Dungun agak tinggi (RM16,108.48 untuk servis/pembaikan sahaja). Penilaian semula kenderaan perlu dibuat sama ada penggantian lebih menjimatkan dalam jangka panjang.
- **Kos Belian:** Peningkatan kos belian dan stok perlu diseimbangkan dengan jualan supaya margin keuntungan tidak terjejas. Rundingan dengan pembekal untuk mendapatkan harga yang lebih kompetitif perlu diteruskan.

KESIMPULAN

NARSCO Cawangan Temerloh dan Cawangan Dungun masing-masing menunjukkan prestasi kewangan yang positif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 dengan mencatatkan keuntungan bersih gabungan sebanyak RM176,355.07.

Cawangan Dungun menunjukkan prestasi yang lebih baik dari segi margin keuntungan bersih (5.83% berbanding 2.81%) dan kepelbagaian sumber pendapatan. Cawangan Temerloh pula perlu memberi perhatian kepada pengurangan kebergantungan terhadap Projek AET dan peningkatan jualan produk teras.

Pihak audit juga ingin menekankan bahawa permintaan pasaran yang tinggi terhadap perkhidmatan dan pembekalan sumber di cawangan-cawangan ini


merupakan satu peluang besar yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Ibu Pejabat NARSCO perlu memberi fokus strategik terhadap usaha meningkatkan kapasiti dan keupayaan operasi cawangan-cawangan berpotensi, dengan melaksanakan tindakan penambahbaikan yang lebih berstruktur bagi mengoptimumkan penggunaan sumber manusia, aset, dan infrastruktur sedia ada.

Dengan strategi yang tepat terutamanya dalam aspek kepelbagaian pendapatan, peningkatan kapasiti operasi, pemantauan turun padang oleh pengurusan tertinggi, dan pengukuhan strategi pemasaran, kedua-dua cawangan ini berpotensi untuk terus berkembang dan menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan NARSCO.

Disediakan oleh:

Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) NARSCO
Sesi 2025/2026

1. Encik Nik Zuhairi Marican bin Wahid Marican
2. Tuan Hj. Mohd Iskandar bin Muhammad Aziz
3. Tuan Syed Mohd Damiri bin Syed Mohd Nor



Agenda 4

Menimbang, meluluskan akaun-akaun teraudit NARSCO dan subsidiari jika ada, cadangan pembahagian keuntungan dan laporan Juruaudit NARSCO bagi tahun kewangan berakhir 31 cDisember 2025

**KOPERASI PEKEBUN KECIL GETAH
NASIONAL BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

KOPERASI PEKEBUN KECIL GETAH NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

KANDUNGAN

MUKASURAT

MAKLUMAT KORPORAT	2 - 3
LAPORAN JURUAUDIT	4 - 9
LAPORAN BERKANUN LEMBAGA MENGIKUT AKTA-AKTA KOPERASI 1993, SEKSYEN 59(1)(C)	10 - 11
KUNCI KIRA-KIRA	12 - 13
AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN	14
AKAUN UNTUNG RUGI	15 - 17
AKAUN PERDAGANGAN	18
PENYATA ALIRAN TUNAI	19 - 20
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	21 - 45

KOPERASI PEKEBUN KECIL GETAH NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

MAKLUMAT KORPORAT

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Dato' Nasaruddin Bin Malek	Pengerusi
Dr. Hajah Hayati Binti Md Salleh	Setiausaha
Haji Hairudin Bin Yeop Ahamad	Bendahari
Haji Ramlie Bin Tumin	Anggota Lembaga Koperasi
Hajah Soofiah Binti Haji Bahanan	Anggota Lembaga Koperasi
Dato' Syed Ali Bin Syed Mohammad	Anggota Lembaga Koperasi
Haji Zubair Bin Mohd Ghouse	Anggota Lembaga Koperasi
Haji Madzaki Bin Ab Ghani	Anggota Lembaga Koperasi
Zahid Ahmad Bin Zuber Ahmad Khan	Anggota Lembaga Koperasi
Haji Rozali Bin Nor	Anggota Lembaga Koperasi
Haji Hashim Bin Mat	Anggota Lembaga Koperasi
Haji Mohamed Omar Bin Bujang	Anggota Lembaga Koperasi
En. Shamsul Bin Mazelan	Anggota Lembaga Koperasi
En. Zamani Bin Ghazali	Anggota Lembaga Koperasi
En. Mohd Zaki Bin Hashim	Anggota Lembaga Koperasi

ALAMAT BERDAFTAR

36, Jalan Mamanda 7
Ampang Point
68000 Ampang
Selangor Darul Ehsan

ALAMAT PERNIAGAAN

No. 1-12, Tingkat 5, Block C
Pusat Perdagangan Taman Dagang
Jalan Dagang Besar, Ampang
68000 Selangor Darul Ehsan



KOPERASI PEKEBUN KECIL GETAH NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

MAKLUMAT KORPORAT (SAMB.)

JURUAUDIT

A. Razak & Co. PLT (LLP0042238-LCA & AF 0842)
Chartered Accountants
B3-08, Block B, Plaza Dwtasik
Jalan Sri Permaisuri
Bandar Sri Permaisuri
56000 Kuala Lumpur

BANK-BANK UTAMA

CIMB Bank Berhad
Bank Islam Malaysia Berhad
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad





A. RAZAK & CO. PLT
LLP0042238-LCA & AF 0842

Chartered Accountants

CO. PLT

📍 B3-08 Block B, Plaza Dwitasik, Jalan Sri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.
☎ 03-9282 9032, 9281 9844, 9281 2044, 9285 9768 ✉ arazaknco@gmail.com 🌐 www.arazaknco.com.my
(Hunting Line)

KOPERASI PEKEBUN KECIL GETAH NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

Kepada:

Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota-anggota Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad

Laporan terhadap Audit ke atas Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad (Koperasi) dan subsidiarinya (Kumpulan) yang mengandungi Kunci Kira-Kira pada 31 DISEMBER 2025, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 12 hingga 45 di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 DISEMBER 2025 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

Asas kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dijelaskan dibawah perenggan Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat ini.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami merupakan juruaudit yang bebas daripada Koperasi dan Kumpulan dan selaras dengan By-Laws (*Professional Ethics, Conduct and Practice*), Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan *International Ethics Standards Board for Accountants' International Code of Ethics for Professional Accountants (including International Independence Standards)* ("Kod IESBA") dan kami telah mematuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan By-Laws (MIA) dan Kod IESBA.



A. RAZAK & CO. PLT
LLP0042238-LCA & AF 0842

Chartered Accountants

& CO. PLT

📍 B3-08 Block B, Plaza Dwtasik, Jalan Sri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.
☎ 03-9282 9032, 9281 9844, 9281 2044, 9285 9768 📧 arazaknco@gmail.com 🌐 www.arazaknco.com.my
(Hunting Line)

KOPERASI PEKEBUN KECIL GETAH NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMB.)

Ketidakpastian Ketara Berkaitan dengan Usaha Berterusan

Kami ingin menarik perhatian kepada Nota 2(a)(iv) di dalam penyata kewangan, yang menunjukkan bahawa, dalam tempoh kewangan berakhir pada 31 DISEMBER 2025 Koperasi mencatat kerugian bersih tahun semasa sebanyak RM446,452 dan pada tarikh tersebut, liabiliti semasa Koperasi melebihi aset semasa sebanyak RM5,040,090 dan kerugian terkumpul sebanyak RM12,882,954. Seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(a)(iv), peristiwa-peristiwa atau keadaan, bersama-sama dengan perkara-perkara lain seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(a)(iv), menunjukkan bahawa sesuatu ketidakpastian ketara yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan syarikat untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Pendapat kami tidak diubahsuai berkenaan dengan perkara ini.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para anggota-anggota Lembaga Koperasi dan Kumpulan bertanggungjawab ke atas maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit mengenainya. Maklumat lain termasuk Penyata oleh Lembaga Koperasi dan Kumpulan tetapi tidak termasuk laporan penyata kewangan Koperasi dan Kumpulan dan laporan juruaudit mengenainya.

Kami hanya memberikan pendapat ke atas penyata kewangan Koperasi dan Kumpulan, dan ini tidak termasuk Penyata oleh Lembaga Koperasi dan Kumpulan dan juga tidak melaporkan sebarang kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit ke atas penyata kewangan Koperasi, menjadi tanggungjawab kami untuk membaca Penyata oleh anggota Lembaga Koperasi dan mempertimbangkannya samada terdapat perkara material yang dilaporkan tidak konsisten dengan penyata kewangan yang boleh membawa kepada salah nyata yang material.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam Penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi, maka kami dikehendaki melaporkannya.



A. RAZAK & CO. PLT
LLP0042238-ICA & AF 0842

Chartered Accountants

CO. PLT

📍 B3-08 Block B, Plaza Dwtasik, Jalan Sri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.
☎ 03-9282 9032, 9281 9844, 9281 2044, 9285 9768 ✉ arazaknco@gmail.com 🌐 www.arazaknco.com.my
(Hunting Line)

KOPERASI PEKEBUN KECIL GETAH NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMB.)

Tanggungjawab Lembaga Koperasi dan Kumpulan terhadap Penyata Kewangan

Para anggota-anggota Koperasi dan Kumpulan bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Para anggota-anggota Lembaga Koperasi dan Kumpulan juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan bagi membolehkan mereka menyediakan penyata kewangan Koperasi dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang material, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para anggota-anggota Koperasi dan Kumpulan bertanggungjawab menilai kemampuan Koperasi dan Kumpulan untuk terus beroperasi sebagai entiti berterusan dan mendedahkan asas yang digunakan berhubung usaha berterusan tersebut melainkan para anggota-anggota Koperasi dan Kumpulan berniat untuk membubarkan Koperasi dan Kumpulan atau menghentikan operasi.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan secara keseluruhan, sama ada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenainya dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walaubagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material apabila amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.



A. RAZAK & CO. PLT
LLP0042238-LCA & AF 0842

Chartered Accountants

& CO. PLT

📍 B3-08 Block B, Plaza Dwtasik, Jalan Sri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.
☎ 03-9282 9032, 9281 9844, 9281 2044, 9285 9768 📧 arazaknco@gmail.com 🌐 www.arazaknco.com.my
(Hunting Line)

KOPERASI PEKEBUN KECIL GETAH NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMB.)

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan (Samb.)

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami mengamalkan pertimbangan profesional dan keraguan profesional. Kami juga :-

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Koperasi dan Kumpulan, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Ketidakbolehan juruaudit mengesan salah nyata material yang berpunca daripada penipuan adalah lebih berisiko berbanding kesalahan disebabkan kesilapan kerana ia melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, salah nyata atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalaman Koperasi dan kumpulan.
- Memahami kawalan dalaman yang relevan kepada audit bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi dan Kumpulan.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh para Lembaga Koperasi dan Kumpulan.
- Membuat kesimpulan ke atas andaian yang digunakan oleh para anggota-anggota Lembaga Koperasi dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai entiti berterusan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, samada wujudnya ketidakpastian yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan ke atas kemampuan Koperasi dan Kumpulan meneruskan operasinya. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidakpastian yang material, kami dikehendaki melaporkannya di dalam laporan juruaudit mengenai pendedahan yang dibuat di dalam penyata kewangan Koperasi dan Kumpulan dan pendapat bersyarat perlu dilaporkan sekiranya pendedahan yang dibuat itu tidak mencukupi. Kesimpulan yang dibuat ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan ini dikeluarkan. Walaubagaimanapun, peristiwa dan keadaan tertentu yang berlaku pada masa akan datang berkemungkinan boleh mengakibatkan Koperasi dan Kumpulan tidak lagi beroperasi sebagai usaha berterusan.





A. RAZAK & CO. PLT
LLP0042238-LCA & AF 0842

Chartered Accountants

CO. PLT

📍 B3-08 Block B, Plaza Dwtasik, Jalan Sri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.
☎ 03-9282 9032, 9281 9844, 9281 2044, 9285 9768 ✉ arazaknco@gmail.com 🌐 www.arazaknco.com.my
(Hunting Line)

KOPERASI PEKEBUN KECIL GETAH NASIONAL BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN JURUAUDIT
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 (SAMB.)

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan (Samb.)

- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi dan Kumpulan, termasuk pendedahan ke atasnya, samada penyata kewangan ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk menghasilkan persembahan laporan yang saksama.
- Memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian mengenai maklumat kewangan bagi entiti atau aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan Kumpulan, Kami bertanggungjawab terhadap arahan, penyeliaan dan prestasi audit kumpulan tersebut. Kami tetap bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

